

1985

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA BAHAWA KERAJAAN ADALAH BERSIKAP TERBUKA TETAPI IA TIDAK BOLEH MENDEDAHKAN SESUATU RAHSIA SEMATA-MATA KERANA HENDAK MENDEDAHKANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA HARI INI DALAM MENDEDAHKAN SESUATU PERKARA, KERAJAAN TERPAKSA MENGAMBIL KIRA SAMA ADA PENDEDAHAN ITU BOLEH MENYELESAIKAN MASALAH ATAU MERUMITKAN LAGI MASALAH YANG HENDAK DIDEDAHKAN.

BELIAU MENGULAS KENYATAAN BEKAS PERDANA MENTERI TUN HUSSEIN ONN BAHAWA KERAJAAN PERLU BERSIKAP TERBUKA BERHUBUNG DENGAN MASALAH-MASALAH NEGARA AGAR TIDAK TIMBUL KERAGUAN DI KALANGAN RAKYAT DAN PARA PELABUR.

TEGURAN TUN HUSSEIN DIPERCAYAI BERHUBUNG DENGAN PENYIASATAN TERHADAP KES PINJAMAN BUMIPUTERA MALAYSIA FINANCE (BMF).

+SAYA TIADA NAMPAK APA DIA YANG KITA TIDAK BERSIKAP TERBUKA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI UMNO DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU PERCAYA MANA-MANA JUGA KERAJAAN DI DUNIA MEMPUYAI PERKARA-PERKARA YANG PERLU DIRAHSIAKANNYA DAN SEBAB ITULAH AKTA RAHSIA RASMI DIWUJUDKAN. -- LAGI 1736MST 06 07 85

MAHATHIR - RAHSIA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA WALAUPUN ADA PERKARA YANG TIDAK DIDEDAHKAN MESKIPUN TIDAK TERMASUK DI BAWAH SENARAI RAHSIA RASMI, TETAPI ADA SEBAB-SEBAB YANG LAIN YANG MENYEBABKAN IA TIDAK DIDEDAHKAN SEPERTI IA BOLEH MENJEJASKAN USAHA KERAJAAN UNTUK MENDAPATKAN KEADILAN DALAM PERKARA BERKENAAN.

BELIAU MENGINGATKAN KESAN BURUK YANG TIMBUL DARIPADA SIKAP MENDEDAHKAN SESUATU PERKARA SEMATA-MATA KERANA HENDAK MENDEDAHKANNYA SEPERTI YANG DIAMALKAN DI SETENGAH-SETENGAH NEGARA BARAT.

KATANYA DARIPADA APA YANG DAPAT DILIHAT SIKAP ITU TELAH MEMERANGKAP NEGARA-NEGARA BERKENAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA APABILA SESUATU PERKARA ITU TIDAK LAGI MENJADI MASALAH SEKIRANYA DIDEDAHKAN, MAKA KERAJAAN AKAN MENDEDAHKANNYA.

MENGENAI SATU LAPORAN BAHAWA ANASIR-ANASIR DI SINGAPURA MENYEBARKAN KHABAR-KHABAR ANGIN NEGATIF MENGENAI NEGARA INI, BELIAU BERKATA BAHAWA IA ADALAH LAPORAN AKHBAR DAN TINDAKAN HANYA BOLEH DIAMBIL SEKIRANYA ADA BUKTI-BUKTI YANG JELAS. -- LAGI 1752MST 06 07 85

MAHATHIR - RAHSIA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENYESALI ORANG-ORANG YANG +TIADA KERJA LAIN+ SELAIN MENYEBAR FITNAH MENGENAI PERIBADINYA DAN KONONNYA BELIAU DAN TIMBALANNYA DATUK MUSA HITAM TIDAK BERTEGUR SAPA LAGI.

DATUK MUSA YANG DUDUK DI SEBELAH BELIAU KETAWA.

BELIAU JUGA MENYEBUT BAHAWA KHABAR ANGIN DISEBARKAN KONONNYA DATUK MUSA DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN TENGGU RAZALEIGH HAMZAH BERPAKAT HENDAK MENJATUHKAN BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA +DALAM MASYARAKAT MEMANG ADA ORANG YANG SUKA MENABUR FITNAH DAN MEREKA BOLEH TERUS BERBUAT DEMIKIAN TETAPI AKIBAT BURUKNYA AKAN MERUGIKAN MEREKA JUGA.+ -- BERNAMA 1811MST 06 07 85